

07 JUN 2000

Lee-Mahathir/I

MALAYSIA PUNYAI PANDANGAN BERBEZA TERHADAP AUSTRALIA, KATA LEE

MELBOURNE, 7 Jun (Bernama) -- Malaysia mempunyai pandangan yang berbeza terhadap Australia dan telah menjadi "satu halangan" kepada usaha Canberra untuk menyertai forum-forum serantau, kata timbalan perdana menteri Singapura Lee Hsien Loong, hari ini.

Semasa berucap pada majlis Kelab Akhbar Kebangsaan di Canberra, Lee berkata beliau berpendapat adalah baik bagi Australia untuk lebih melibatkan diri di rantau ini.

"Secara strategiknya, ia adalah bermakna bagi anda kerana anda kemudian dihubungkan kepada satu bahagian dunia yang mempunyai pengaruh besar terhadap anda," katanya.

"Ia juga bermakna bagi kami di Asia kerana kami kelak dapat memperluaskan asas kemakmuran kami... kami tidak banyak bergantung hanya kepada 10 negara Asean.

"Dan ia bukan sahaja mengenai perluasan geografi, tetapi juga memperluaskan wajah Asean. Oleh itu, jika berlaku sebarang pertembungan merentasi Pasifik, ia bukanlah antara orang kulit putih dan yang lain tetapi pada kedua-dua pihak, ia satu kumpulan yang bercampur.

"Malaysia mempunyai pandangan yang berbeza. Dr Mahathir terutamanya mempunyai satu pendapat berbeza... anda kata ia satu halangan tetap, nampaknya ia memang satu halangan. Tetap yang macam mana? Ia bergantung (kepada keadaan)."

Lee berkata demikian semasa menjawab soalan seorang wartawan Australia yang berkata bahawa Malaysia sering menghalang usaha Australia untuk menyertai forum-forum serantau dan Dr Mahathir baru-baru ini mengecam sikap Australia berhubung peranan utamanya di Timor Timur sebagai "dia sahaja yang lebih baik" dan kasar.

Lee, yang ucapannya disiarkan secara langsung oleh televisyen ABC, berkata laporan yang menunjukkan mereka sahaja yang lebih dan laporan berat sebelah mengancam Australia di Asia.

Katanya Singapura bukan satu negara sahaja di Asia yang menjadi mangsa laporan yang berat sebelah.

"Malaysia mengalami zaman turun naiknya. Singapura juga ada turun naiknya. Kami tidak menentang anda tetapi kami berasa sedikit simpati kerana anda tidak menyampaikan perspektif yang betul kepada para pembaca anda.

"Media Australia kadang kala menggantikan kesensasian dalam laporan objektif mengenai Asia secara keseluruhannya. Sikap sentiasa mahu betul tidak menyumbang kepada kepentingan Australia.

"Seperti mana yang pernah dikatakan oleh Perdana Menteri John Howard, Australia bukanlah dalam usaha perjuangan moral di Asia," katanya.

-- BERNAMA

NDC NAK